

PERATURAN PERMAINAN SILAT

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang – Undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang **PERSILAT** (Persekutuan Silat Antarabangsa) dan **PESAKA** (Persekutuan Silat Kebangsaan) dan **PERATURAN AM SUKIPT V, 2020**.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.1.1 Rujuk Perkara 3, 4 dan 5 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2.1.2 Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada teknikal pertandingan sebelum pertandingan bermula.

2.1.3 Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	12	10	5	27

2.2 Acara yang dipertandingkan

2.2.1 Acara Silat Olahraga

2.2.1.1 Silat Olahraga merangkumi kelas putra dan putri.

2.2.1.2 Segala peraturan dan piawaian merujuk kepada PERSILAT dan PESAKA.

2.2.1.3 Acara yang dipertandingkan adalah :-

Kategori Kelas Putra (Kg)		Kategori Kelas Putri (Kg)	
Kelas A	45 - 50	Kelas A	45 - 50
Kelas B	50 - 55	Kelas B	50 - 55
Kelas D	60 - 65	Kelas D	60 - 65
Kelas F	70 - 75	Kelas Bebas	65 ke atas
Kelas H	80 - 85		
Kelas Bebas	85 ke atas		

2.2.1.4 Semasa pendaftaran, sesi timbang tidak akan dijalankan. Walaubagaimanapun, peserta adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang **15 minit** sebelum bagi setiap perlawanan. Jika berat melebihi kategori semasa timbang ulang, maka penyertaan pesilat akan dibatalkan.

2.2.1.5 Setiap perlawanan akan dijalankan sebanyak 3 pusingan dan masa bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit diperuntukan. Walaubagaimanapun, ianya tertakluk kepada sebarang perubahan semasa perlawanan.

2.2.1.6 Hanya 30 saat sahaja akan diberikan kepada peserta yang lewat ke arena dengan panggilan sebanyak 3 kali dan selepas itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan undur diri dengan kiraan 5-0.

2.2.2. Acara Silat Seni

2.2.2.1 Kategori Jurus Tunggal

2.2.2.1.1 Persembahan solo oleh pesilat.

2.2.2.1.2 Kategori Putra dan Putri.

2.2.2.1.3 Pesilat akan menggayakan jurus yang diperkenalkan oleh PERSILAT.

2.2.2.1.4 Jumlah masa adalah 3 minit.

2.2.2.1.5 Ukuran senjata yang dibenarkan bagi parang, mata parang adalah 30 hingga 40 cm dan bagi tongkat ialah 150 cm hingga 180 cm serta diameter 2.5 cm hingga 3.5 cm.

2.2.2.1.6 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.2.2.2 Kategori Tempur (Ganda)

2.2.2.2.1 Seni tempur Kategori Putra dan Putri.

2.2.2.2.2 Merangkumi dua (2) peserta untuk setiap Kategori Putra dan Putri.

2.2.2.2.3 Masa diperuntukan adalah selama 3 minit.

2.2.2.2.4 Menggunakan tiga (3) jenis senjata sahaja. Senjata wajib adalah parang/golok dan tongkat (ukuran sama seperti senjata jurus tunggal) dan satu senjata nusantara.

2.2.2.2.5 Sebarang senjata yang ingin digunakan mesti ditunjukkan dan diluluskan oleh wasit juri terlebih dahulu.

2.2.2.3 Kategori Jurus Wajib (Regu)

2.2.2.3.1 Diwakili oleh 3 peserta.

2.2.2.3.2 Acara Putra dan Putri.

2.2.2.3.3 Mengikut jurus yang ditetapkan oleh PERSILAT.

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Sistem pertandingan akan dijalankan mengikut PERSILAT (Persekutuan Silat Antarabangsa) dan PESAKA (Persekutuan Silat Kebangsaan).

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Silat Olahraga Putra						
Putra Kelas A	1	1	1	1	2	2
Putra Kelas B	1	1	1	1	2	2
Putra Kelas D	1	1	1	1	2	2
Putra Kelas F	1	1	1	1	2	2
Putra Kelas H	1	1	1	1	2	2
Putra Kelas Bebas	1	1	1	1	2	2
Silat Olahraga Putri						
Putri Kelas A	1	1	1	1	2	2
Putri Kelas B	1	1	1	1	2	2
Putri Kelas D	1	1	1	1	2	2
Putri Kelas Bebas	1	1	1	1	2	2
Silat Seni Putra						
Jurus Tunggal Putra	1	1	1	1	1	1
Tempur Ganda Putra	1	2	1	2	1	2
Jurus Wajib Putra	1	3	1	3	1	3
Silat Seni Putri						
Jurus Tunggal Putri	1	1	1	1	1	1
Tempur Ganda Putri	1	2	1	2	1	2
Jurus Wajib Putri	1	3	1	3	1	3
JUMLAH	16	22	16	22	26	32